



## **UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

### **PERATURAN MEMANAH (L & W)**

#### **1.0 NAMA**

Kejohanan ini dinamakan Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia

#### **2.0 PERATURAN PERMAINAN**

Mengikut Undang-undang dan Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini.

#### **3.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN**

Selain dari peraturan yang terkandung, maka sukan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang *World Archery (WA)* yang berkuatkuasa pada ketika ini. Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.

**3.1** Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan atau undang-undang berkenaan akan diputuskan seperti berikut:-

3.1.1 Semua kejadian akan diputuskan berasaskan Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej.

3.1.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada *World Archery (WA)*.

#### **4.0 KELAYAKAN**

**4.1** Rujuk Perkara 4.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

**4.2** Jenis Pertandingan

Kejohanan terbuka kepada semua pelajar UPM, dan mereka hendaklah mewakili kolej kediaman yang terkini serta tidak dibenarkan mewakili

mana-mana kolej lain dengan apa jua alasan. Bagi mahasiswa luar kampus hanya dibenarkan mewakili **kolegiat** masing-masing.

## 5.0 PENDAFTARAN PASUKAN/PEMBENTUKAN PASUKAN

- 5.1 Setiap Kolej boleh mendaftar maksima **Tiga (3) orang pemanah Lelaki dan Tiga (3) orang pemanah Wanita** bagi kategori '**Beginner**' seperti berikut:

Status	Lelaki	Wanita
<b>Pengurus Pasukan</b>	<b>1</b>	<b>1</b>
<b>Jurulatih</b>	<b>1</b>	<b>1</b>
<b>Peserta</b>	<b>3</b>	<b>3</b>
<b>Jumlah</b>	<b>5</b>	<b>5</b>

- 5.2 Acara Perseorangan

Pemanah yang berdaftar di bawah nama pasukan sahaja dibenarkan bertanding di dalam kategori '**Beginner**'.

- 5.3 Acara Berpasukan

Satu pasukan mestilah terdiri daripada tiga (3) orang yang sah berdaftar di kolej yang sama.

- 5.4 Borang Pendaftaran Peserta hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum kejohanan bermula.

- 5.5 Sebarang pertukaran peserta hendaklah dibuat di dalam mesyuarat pengurus-pengurus pasukan.

- 5.6 Peralatan

Peralatan memamah mestilah menggunakan *Bow* dan *Arrow* tahap **beginner** (*bow: basic/wooden, arrow: aluminium shaft*) dan tidak dibenarkan mengguna alatan *intermediate / advance* serta penyediaan semua peralatan adalah di bawah tanggungjawab pasukan.

## 6.0 REFERI/PENGADIL/PEGAWAI TEKNIKAL KEJOHANAN

Rujuk Perkara 7.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## 7.0 PAKAIAN DAN PERALATAN

Rujuk Perkara 8.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia dan Undang-undang WA.

## 8.0 SISTEM PERTANDINGAN

**8.1** Pertandingan akan dijalankan mengikut sistem kelayakan dan kalah singkir mengikut undang-undang WA semasa dalam acara individu mahupun acara berpasukan.

### 8.2 Acara Individu

#### 8.2.1 Pusingan Kelayakan

8.2.1.1 Setiap pemanah akan bertanding di dalam pusingan kelayakan dengan memanah sebanyak **18 batang anak panah** pada jarak **30 meter** menggunakan '122 cm target face' sebanyak dua (2) pusingan tidak termasuk latihan rasmi.

8.2.1.2 Setiap pemanah dikehendaki memanah 18 batang anak panah dengan memanah 3 batang anak panah untuk 6 kali/end ( $3 \text{ arrows} \times 6 \text{ end} = 18 \text{ arrows}$ ) dalam masa 90 saat pada jarak 30m dengan menggunakan '122 cm target face'. Markah wajib diisi oleh salah seorang pemanah di dalam *target* yang sama menggunakan borang markah (*score sheets*) yang disediakan serta mengisi markah menggunakan aplikasi *Ianseo Scorekeeper NG* yang boleh dimuat turun dengan mengimbas kod QR berikut:



Android



iPhone

8.2.1.3 Anak panah dibenarkan untuk dicabut hanya selepas semua pemanah di *target* yang sama selesai mengisi markah.

## 8.2.2 Pusingan Kalah Singkir Individu (*Individual Elimination*)

8.2.2.1 **32 pemanah terbaik** daripada pusingan kelayakan (16 pemanah jika peserta kurang daripada 32) akan dipilih untuk pertandingan di dalam pusingan Kalah Singkir. Setiap pemanah akan disusun mengikut jadual pertandingan yang telah ditetapkan (lihat Undang-Undang WA).

8.2.2.2 Acara ini menggunakan **sistem markah** di mana setiap keputusan perlawanan di antara individu ditentukan seperti berikut:

Perkara	Markah
Menang	2
Seri	1
Kalah	0

*\*Nota: Pemenang ditentukan berdasarkan jumlah kutipan 6 markah capaian terawal. Maksima 5 pusingan dan sekiranya markah masih sama (5-5), satu panahan akan diberi kepada setiap individu dan sekiranya markah masih lagi sama, ukuran anak panah yang terdekat dengan Tanda X akan dinobat sebagai pemenang.*

8.2.2.3 Pemanah akan diberi masa sebanyak 90 saat untuk melepaskan 3 batang anak panah dalam setiap pusingan.

8.2.2.4 Pemenang bagi setiap pusingan akan ke peringkat seterusnya.

## 8.3 Pusingan Kalah Singkir Berpasukan

831 **Hanya 8 pasukan teratas** (3 orang pemanah setiap pasukan) akan dipilih berdasarkan daripada markah individu yang dikumpulkan oleh setiap pemanah dalam Pusingan Kelayakan.

832 Pasukan tersebut akan bertanding secara kalah singkir dengan memanah pada jarak 30m dengan menggunakan jadual kalah singkir mengikut peraturan WA (lihat peraturan WA).

- 833 Setiap pusingan menemukan 2 pasukan (3 orang bagi setiap pasukan) yang akan memanah sebanyak 6 batang anak panah (2 batang anak panah sahaja setiap orang). Masa diberikan sebanyak 120 saat untuk melepaskan 6 batang anak panah bagi setiap pusingan.
- 834 Acara ini menggunakan sistem markah di mana setiap keputusan perlawanan di antara pasukan ditentukan seperti berikut:

Perkara	Markah
Menang	2
Seri	1
Kalah	0

*\*Nota: Pemenang ditentukan berdasarkan jumlah kutipan 5 markah capaian terawal. Maksima 4 pusingan dan sekiranya markah masih sama (4-4), satu panahan akan diberi kepada setiap individu dalam 1 pasukan dan sekiranya markah masih lagi sama, ukuran anak panah yang terdekat dengan Tanda X akan dinobat sebagai pemenang.*

- 835 Pemenang bagi setiap pusingan akan ke peringkat seterusnya.

## 9.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KESELURUHAN

- 9.1 Setiap kolej/pasukan boleh mengumpul seberapa banyak markah berdasarkan pecahan lelaki dan wanita untuk merebut kemenangan keseluruhan mengikut sistem pemarkahan seperti berikut:

Acara	Johan	N. Johan	Ketiga	Keempat	Suku Akhir
Keseluruhan Pusingan Kelayakan	5	4	3	2	1 (Rank 5-16)
Pusingan Kalah Mati Individu	5	4	3	2	1
Pusingan Kalah Mati Berpasukan	8	7	6	4	2

*\*Nota: Sekiranya terdapat markah yang sama, jumlah kutipan mata setiap pemanah di dalam pasukan yang sama bagi Pusingan Kelayakan akan diambilkira dan pemenang ditentukan berdasarkan jumlah mata tertinggi.*

## **10.0 KELEWATAN**

Rujuk Perkara 12.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## **11.0 MENARIK DIRI**

Rujuk Perkara 14.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## **12.0 BANTAHAN**

Rujuk Perkara 15.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## **13.0 PENANGGUHAN PERLAWANAN**

Rujuk Perkara 13.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.

## **14.0 HADIAH**

**14.1** Hadiah akan disediakan seperti berikut:

### **14.1.1** Pusingan Kelayakan

14.1.1.1	Johan	-	Lelaki/Wanita
14.1.1.2	Naib Johan	-	Lelaki/Wanita
14.1.1.3	Ketiga	-	Lelaki/Wanita

### **14.1.2** Pusingan Kalah-Mati Individu (*Individual Elimination*)

14.1.2.1	Johan	-	Lelaki/Wanita
14.1.2.2	Naib Johan	-	Lelaki/Wanita
14.1.2.3	Ketiga	-	Lelaki/Wanita

### **14.1.3** Pusingan Kalah-Mati Berpasukan (*Team Elimination*) (3 orang sepasukan)

14.1.3.1	Johan	-	Lelaki/Wanita
14.1.3.2	Naib Johan	-	Lelaki/Wanita
14.1.3.3	Ketiga	-	Lelaki/Wanita

14.1.4 Jadual pecahan bilangan hadiah:

<b>Bil</b>	<b>Acara</b>	<b>Johan</b>	<b>N. Johan</b>	<b>Ke-Tiga</b>	<b>Jumlah</b>
1	Pusingan Kelayakan Lelaki	1	1	1	3
2	Pusingan Kelayakan Wanita	1	1	1	3
3	Pusingan Kalah Singkir Individu Lelaki	1	1	1	3
4	Pusingan Kalah Singkir Individu Wanita	1	1	1	3
5	Pusingan Kalah Singkir Berpasukan Lelaki	3	3	3	9
6	Pusingan Kalah Singkir Berpasukan Wanita	3	3	3	9
<b>Jumlah</b>		10	10	10	30

**15.0 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN**

Rujuk Perkara 21.0 Peraturan Am Kejohanan Sukan Kolej Universiti Putra Malaysia.